

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: University Teaching and Learning Centre
Sent: 03 November 2015 16:53
To: UUM - All Staff
Cc: UUM - UTLC
Subject: LAWATAN BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN (BTP) KE UTLC JALIN KERJASAMA MASA HADAPAN



**Pusat Pengajaran
Pembelajaran Universiti**

UNIVERSITY TEACHING AND LEARNING CENTRE

Universiti Utara Malaysia

03 NOVEMBER 2015 / 21 MUHARRAM 1436H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

LAWATAN BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN (BTP) KE UTLC JALIN KERJASAMA MASA HADAPAN



22 OKTOBER 2015 : Seramai 10 orang staf dari Kementerian Pendidikan Malaysia Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), ketuai oleh Encik Suras, telah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Pengajaran Pembelajaran (UTLC) bagi membincangkan peluang kerjasama (MoU) antara UUM dan BTP serta berkongsi pengalaman dan kepakaran.



Dalam perjumpaan pihak BTP bersama UTLC, kedua-dua belah pihak telah membincangkan bidang kerjasama antara pihak BTP dan UUM, antaranya bagi menambahbaik penghasilan video/bahan pengajaran atas talian (e-learning) serta membantu dan berkongsi ilmu dalam bidang teknologi pendidikan pada masa hadapan. Kerjasama ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak dalam meningkatkan kecekapan staf dalam bidang penghasilan video.



Selain daripada itu, pihak BTP juga telah diberikan taklimat berkenaan fungsi UTLC dalam pengurusan di UUM. Pihak BTP dan UTLC saling berkongsi pandangan dan pengalaman masing-masing dalam bidang pengurusan dan penghasilan video pengajaran dan pembelajaran.



Selepas lawatan itu, pihak BTP dibawa melawat studio rakaman sementara UTLC bagi melihat sendiri peralatan dan kemudahan asas yang terdapat di studio tersebut dan memberi pandangan penambahbaikan yang perlu dilakukan pada studio rakaman (sementara) UTLC.

TAMAT.

DARIPADA:
PUSAT PENGAJARAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI (UTLC)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN.
TEL : 04-928 4696
FAKS : 04-928 4702
E-MEL : utlc@uum.edu.my



*Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu.
(Please don't print this e-mail unless necessary).*